



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

4hb Mac 2010

No. 5

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

No. 302.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA
DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATES
IN AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Tukiren bin Siron sebagai Majistret Kelas Dua di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai tarikh 1 Ogos 2009.

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [Act 92], the State Authority has appointed Encik Tukiren bin Siron to be Second Class Magistrate in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from 1 August 2009.

Bertarikh 1 Februari 2010

Dated 1 February 2010

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A. 355/487/36/1 Jld. 2;

PU.Pk. 47/99 (B) Jld. 2]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 303.PEMBETULAN/*CORRIGENDUM*

Berhubung dengan Pemberitahuan No. 21 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 21 Januari 2010, gantikan nama “Encik Zarina binti Mhd. Hisham” dengan nama “Cik Zarina binti Mhd. Hisham”.

With reference to Notification No. 21 published in the *Perak Government Gazette* on 21 January 2010, substitute for the name “Encik Zarina binti Mhd. Hisham” the name “Cik Zarina binti Mhd. Hisham”.

Bertarikh 11 Februari 2010

Dated 11 February 2010

[PSUK. Pk. (PSM) 1.A 355/487/50/2;

PU.Pk. 47/99 (B) Jld. 2]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha/Secretary

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 304.

PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN

APPOINTMENT OF MEMBER OF THE LICENSING BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan yang disiarkan sebagai P.U.(B) 353 bertarikh 2 Jun 1977, saya, Dato’ Seri Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik Encik Mohd Idris bin Hussein sebagai Ahli Lembaga Pelesenan bagi Daerah Kuala Kangsar bagi tempoh 3 tahun mulai dari 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2012.

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan *vide* notification published as P.U.(B) 353 dated 2 June

1977, I, Dato' Seri Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint Encik Mohd Idris bin Hussein to be member of the Licensing Board for the District of Kuala Kangsar for a period of 3 years with effect from 1 January 2010 until 31 December 2012.

Bertarikh 5 Februari 2010

Dated 5 February 2010

[PSUK. Pk. (BKP) 1A 355/951/10 Jld. 3 (31);

PU.Pk. 53/99]

DATO' SERI DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR

Menteri Besar

Perak Darul Ridzuan

AKTA TANAH
(KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960
LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

No. 305.

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN SEBAHAGIAN KAWASAN
'DESIGNATED AREA' SEBAGAI TANAH KERAJAAN NEGERI

NOTICE OF PROPOSE REVOCATION OF PART OF
'DESIGNATED AREA' FOR STATE LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan Bil. 1235 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 17 Disember 1964, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], telah mengisytiharkan sebahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Ijok, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas pelan hasil ukur No. C.P. 52792 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak bagi maksud sebahagian kawasan 'Designated Area';

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa kawasan yang tersebut dibatalkan seluas yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 3, subseksyen 44 (1) dan (2) Akta, bahawa Pihak Berkuasa Negeri memberi notis mengenai cadangan untuk membatalkan tanah tersebut seluas yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Selama pada 9 Mac 2010 jam 9.00 pagi.

JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Hulu Ijok. No. Pelan—C.P. 52792.
No. Lot—P.T. 2364, P.T. 2365 dan P.T. 2366. Luas—5.937 hektar.

Bertarikh 29 Disember 2009

[PTG.Pk. 535/8-1(C); P.T. Sel. A/1/1J/157/03; PU.Pk. 67/71-38 Jld. 2]

ZAMARI BIN MOHD. RAMLI

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 1235 published in the Perak Government *Gazette* on 17 December 1964, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Ijok, District of Larut, Matang and Selama described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. C.P. 52792 deposited in the Office of Director of Survey and Mapping, Perak for a public purpose, to wit as a part of 'Designated Area';

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid area should be revoked to the extend of the areas as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under section 3, subsection 44 (1) and (2) of the Act that the State Authority gives notice tha proposal to revoke part of the land, described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office Selama on 9 March 2010 at 9.00 a.m.

SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Hulu Ijok. Plan No.—C.P. 52792.
Lot No.—P.T. 2364, P.T. 2365 and P.T. 2366. Area—5.937 hectares.

Dated 29 December 2009

[PTG.Pk. 535/8-1(C); P.T. Sel. A/1/1J/157/03; PU.Pk. 67/71-38 Jld. 2]

ZAMARI BIN MOHD. RAMLI

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

AKTA PERHUTANAN 1984
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984
(Act 313)

No. 306.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN
PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT
OF OFFICERS OF THE FORESTRY DEPARTMENT
OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama untuk memegang jawatan yang dinyatakan bersestentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

2. Pelantikan pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang memegang jawatan yang dinyatakan bersestentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority appoints the officers named in column (1) of the First Schedule to hold the offices specified against their respective names in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

2. The appointment of officers named in column (1) of the Second Schedule holding the offices specified against their respective names in column (2) is revoked with effect from the dates specified in column (3).

JADUAL PERTAMA/*FIRST SCHEDULE*

| (1) Nama | (2) Jawatan | (3) Tarikh |
|-------------------------|--|---------------|
| Encik Othman bin Deris | Penolong Pengarah (Operasi & Penguatkuasaan) Assistant Director (Enforcement & Operation) | 1.6.2009 |
| Encik Suhaidi bin Sinin | Penolong Pegawai Hutan Daerah Perak Selatan, Tapah Assistant District Forest Officer Perak Selatan, Tapah | 1.6.2009 |

| (1) Nama | (2) Jawatan | (3) Tarikh |
|----------------------------------|--|---------------|
| Encik Mohamed Ali bin Hawari | Penolong Pengarah Penguatkuasaan (Siasatan) | 10.10.2008 |
| | Assistant Director of Enforcement (Investigation) | |
| Encik Izwandy bin Azizan | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |
| Cik Sharifah Amira binti Salim | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |
| Encik Mohd Faiz bin Kamaruzzaman | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |
| Cik Tinarossima binti Badiuzaman | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |
| Encik Khairul Nizam bin Mohamed | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |
| Encik Mohd Ikram bin Ibrahim | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) | 2.3.2009 |
| | Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | |

| (1) Nama | (2) Jawatan | (3) Tarikh |
|---------------------------------------|---|---------------|
| Encik Muhammad Nicholas bin Zafran | Penolong Pemelihara Hutan (Pegawai Kontrak) Guardian Assistant Forest (Contract Officer) | 2.3.2009 |

Bertarikh 29 Januari 2010

Dated 29 January 2010

[PSUK.Pk.(BKP) 1A 355/951/7 Jld. 2 (37); PU. Pk. 27/05]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 307.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Sepertimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) yang dipakai oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1603 di dalam perjumpaan bertarikh 25.11.2009 dan telah disahkan di dalam Mesyuarat MMK bil. 1604 bertarikh 30.12.2009 meluluskan Permohonan Peruntukan Tambahan Tahun 2009 seperti berikut:

Tahun—2009. Objek Sebagai—244000. Objek Lanjut—244020. Butiran—Sewa Jentera Pertanian. Anggaran Belanjawan—RM12,000.00. Tambahan Peruntukan—RM195,600.00.

Bertarikh 11 Februari 2010

[MPKK 2/551/1]

DATO' HJ. MOHD SHAFIE BIN ARIFIN

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK 1988
PERAK WATER BOARD ENACTMENT 1988

No. 308.

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK
APPOINTMENT OF MEMBER OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [*Pk. En. 12/88*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Puan Yap Soo Har sebagai anggota Lembaga Air Perak bagi tempoh satu tahun mulai dari 1 Julai 2009 hingga 30 Jun 2010.

In exercise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [*Pk. En. 12/88*], the State Authority has appointed Puan Yap Soo Har as a member of the Perak Water Board for a period of two years with effect from 1 July 2009 until 30 June 2010.

Bertarikh 29 Januari 2010

Dated 29 January 2010

[PSUK.Pk.(BKP) 1A 355/951/2/9 Jld. 3 (77); PU. Pk. 15/88 Bhg. III]

ZAMARI BIN HAJI MOHD. RAMLI
Setiausaha/Secretary
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 309.

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK
APPOINTMENT OF MEMBER OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [*Pk. En. 12/88*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai anggota Lembaga Air Perak bagi tempoh dua tahun mulai dari 1 Disember 2009 hingga 30 November 2011.

In exercise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [*Pk. En. 12/88*], the State Authority has appointed the persons named in the Schedule as members of the Perak Water Board for a period of one year with effect from 1 December 2009 until 30 November 2011.

JADUAL/SCHEDULE

Y. Bhg. Dato' Abdul Raman bin Suliman

Y. B. Dato' Rusnah binti Kassim

Y. Bhg. Dr. Ong Keh Ong

Bertarikh 29 Januari 2010

Dated 29 January 2010

[PSUK.Pk.(BPK) 1A 355/951/2/9 Jld. 3 (78); PU. Pk. 15/88 Bhg. III]

ZAMARI BIN HAJI MOHD. RAMLI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 310.

PELANTIKAN PENOLONG PENTADBIR TANAH
DAN TIMBALAN PENDAFTAR HAKMILIK DI DAN BAGI
DAERAH-DAERAH/NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
APPOINTMENT OF ASSISTANT LAND ADMINISTRATOR
AND DEPUTY REGISTRAR OF TITLE IN AND
FOR DISTRICTS/STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan bersempena dengan nama mereka dalam ruang (3) bagi maksud Kanun itu.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the Schedule to hold the offices specified in column (2) with effect from the dates set out opposite their names specified in column (3) for the purposes of the said Code.

JADUAL/SCHEDULE

| (1) | (2) | (3) |
|---|--|-----------|
| Encik Muhammad Asri bin Azit @ Mustamin | Timbalan Pendaftar Hakmilik dan Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan | 15.8.2009 |
| Encik Tukiren bin Siron | Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kecil Lenggong | 1.8.2009 |
| Encik Baharuddin bin Mohd. Som | Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kampar | 1.8.2009 |
| Encik Mohd. Hidayat bin Mansor | Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kampar | 17.8.2009 |
| Encik Razali bin Abdul Jalal | Penolong Pentadbir Tanah dalam dan bagi Daerah Kampar | 16.9.2009 |

Bertarikh 1 Februari 2010

Dated 1 February 2010

[PSUK.Pk.(PSM) 1.A.355/487/36/1 Jld 2; PU.Pk. 39/2005;
PU.Pk. 51/99 Jld. 3]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 311.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hutan Melintang, Daerah Hilir Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Elevated Tank Kampung Teluk Buluh di dalam Rancangan Bekalan Air Perak Selatan dan Hilir Perak dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Lembaga Air Perak.

JADUAL

Daerah—Hilir Perak. Mukim—Hutan Melintang. No. Pelan—P.A. 74530. No. Lot—9862. Luas—10,404 meter persegi.

Bertarikh 29 Januari 2010

[PTG.Pk. 173/15/11(C); PTHP. 13/40; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 25]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hutan Melintang, District of Hilir Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Elevated Tank Kampung Teluk Buluh in Hilir Perak and Perak Selatan Water Supply Plan and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by Perak Water Board.

SCHEDULE

District—Hilir Perak. Mukim—Hutan Melintang. Plan No.—P.A. 74530. Lot No.—9862. Area—10,404 square metres.

Dated 29 January 2010

[PTG.Pk. 173/15/11(C); PTHP. 13/40; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 25]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 312.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Wakaf Khas Masjid Al-Mohsinial Kg. Ulu Chemor dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—P.A. 83348. No. Lot—228150.
Luas—6.972 hektar.

Bertarikh 29 Januari 2010

[PTG.Pk. 239/7-130(C); PTK(I) 13/7/88; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 25]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Wakaf Khas Kampung Ulu Chemor Al-Mohsinial Mosque and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—P.A. 83348. Lot No.—228150.
Area—6.972 hectares.

Dated 29 January 2010

[PTG.Pk. 239/7-130(C); PTK(I) 13/7/88; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 25]

ZAMARI BIN MOHD RAMLI

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 313.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Mohamed bin Haji Mahamood, yang beralamat di 1091, Aulong, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang dari mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah Daerah ini/ di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Mukim—Simpang.

| Jenis dan No. Hakmilik | No. Lot | Hasil tahun ini | Hutang dari tahun-tahun yang lepas | Bayaran yang dikenakan sebagai hasil 1967 – 2009 | Bayaran-bayaran terhutang | Jumlah kena dibayar |
|------------------------|---------|--------------------|------------------------------------|--|--|---------------------|
| G.M. 948 | 1204 | C/Tanah D/Lewat | RM27.00 <u>RM27.00</u> | C/Tanah D/Lewat B/Notis | RM 866.40 RM1,800.40 RM 20.00 <u>RM2,686.80</u> | <u>RM2,713.80</u> |

Bertarikh 28 Januari 2010
[PTLM. 146/3/2010/07 (1/2010)]

MAHMUD BIN MORSIDI
*Pentadbir Tanah Daerah
Larut dan Matang*

No. 314.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Joo Loong Development Sendirian Berhad, yang beralamat di — tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/ di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

| Jenis dan No. Hakmilik | No. Lot | Hasil tahun ini | Hutang dari tahun-tahun yang lepas | Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil | Bayaran-Bayaran terhutang | Jumlah kena dibayar |
|------------------------|---------|-----------------|------------------------------------|---|---------------------------|---------------------|
| Ulu Kinta HS (Daftar) | | 2010 | 1977 - 2009 | Denda Lewat 1977 - 2009 | Notis 6A | |
| 02991/75 | 070960 | RM1,487.00 | RM46,393.90 | RM60,765.90 | RM20.00 | RM108,666.80 |

Bertarikh 29 Januari 2010
[PTK(I) No. 16/8/01/10-01]

DATO' RAZALI BIN OTHMAN
*Pentadbir Tanah Kinta
Ipoh*

No. 315.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar—Teluk Intan. No. P.T.—454. Luas—2625.6327 meter persegi. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D. 3608.

Bertarikh 19 Januari 2010
[PTHP 6/796 SJ. 79]

AHMAD ZAINUDIN BIN YEOP SHAMSUDIN
*Pentadbir Tanah
Hilir Perak*

No. 316.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan/Mukim—Blanja. No. Lot—723. Luas—0.3085 Hektar. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 6271.

Bertarikh 3 Februari 2010
[PTSI. 08/01-02-46/08]

HASIM BIN HAJI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 317.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Lambor Kanan. No. Lot—2333. Luas—0.1037 Hektar. Jenis dan No. Hakmilik—Geran Mukim 407.

Bertarikh 8 Februari 2010
[PTSI. 08/01-07-35/08]

HASIM BIN HAJI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 318.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar—Seri Iskandar. No. Lot—67. Luas—4603 Meter Persegi. Jenis dan No. Hakmilik—Pajakan Negeri 223554.

Bertarikh 8 Februari 2010
[PTSI. 08/01-40-66/09]

HASIM BIN HAJI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah*

No. 319.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan telah diperbuat oleh Norisah @ Harisah binti Mohd Yusoff (No. K.P.: 560816-08-5410) yang beralamat No. 168, Lorong Setia 2B, Kampung Balun, 35800 Slim River, Perak Darul Ridzuan tuan punya bagi hakmilik yang tersebut di bawah ini kerana Surat Hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang dalam simpanan beliau.

JADUAL

Mukim—Slim. No. Lot—3316. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 181. Luas—2.1246 hektar.

Bertarikh 2 Februari 2010
[PTSR(D) 11/1-472]

ABD. RAHIM BIN ABD. RAZAK
*Pentadbir Tanah Daerah
Batang Padang*

No. 320.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik telah diakui hilang oleh Rahani binti Mat Bidin, di alamat: No. 12, Kg. Telok Perang, 32800 Parit, Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Mukim—Blanja. No. Lot—1691. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3718. Luas—0.6109 hektar. Tuan punya berdaftar—Rahani binti Mat Bidin (PM) 1/1 bhg.

Bertarikh 5 Februari 2010
[PTSI/11-07/2010]

HJ ZAINUDDIN BIN SAID
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah, Seri Iskandar*

No. 321.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

| Mukim | No. Geran | No. Lot | Luas | Nama-Nama Tuan Tanah | No. Fail PTLM |
|---------------|-----------|---------|---------------|--|-----------------|
| | G.M. | | HEKTAR | | |
| Batu Kurau | 3262 | 8808 | 0.6251 | Ab Manaf bin Md Noh 168/21600 bhg., Abu Bakar bin Hamat 13/360 bhg., Ahmad Tarmizi bin Hj Che Ri 13/120 bhg., Besah binti Awang 6/60 bhg., Biaah binti Hamid 141/2400 bhg., Esah binti Mat Noh 84/21600 bhg., Haji Kiah binti Hj Dollah 13/120 bhg., Haji Yaacob bin Hj Dollah 13/120 bhg., Hasmah binti Mohd Noh 84/21600 bhg., Haji Yaacob bin Hj Abdullah 1296/21600 bhg., Maimunah binti Mohd Noh 84/21600 bhg., Mohd Johari bin Salleh 13/120 bhg., Mohd Yusop bin Mat 13/360 bhg., Rafeah binti Mohd Noor 84/21600 bhg., Rusnah binti Ahmad 13/360 bhg., Russzalilah binti Mat Rejab 21/800 bhg., Saaidin bin Md Noh 168/21600 bhg., Som binti Bakar 108/21600 bhg., Taib bin Hj Dollah 13/120 bhg., Teh binti Arsad 5/800 bhg., Timah binti Hamid 141/2400 bhg. dan Zainab binti Md Noh 84/21600 bhg. | 260/118/2009/02 |
| Bukit Gantang | 4403 | 4644 | 1.5501 | Zaharah binti Abdul Rahman 2/24 bhg., Anwar bin Razali 4/168 bhg., Arshad bin Abd Rahman 4/24 bhg., Asma binti Razali 2/168 bhg., Idris bin Yahaya 2/24 bhg., Jamaliah binti Razali 2/168 bhg., Maizon binti Abdul Rahman 2/24 bhg., Minah binti Shariff 1/6 bhg., Noreini binti Abd Manan 1/24 bhg., Rahmah binti Mat Nordin 1/12 bhg., Ros Zaifura binti Zainul Abidin 1/24 bhg., Salmiah binti Razali 2/168 bhg., Som binti Talib 2/24 bhg., Zaharah binti Razali 2/168 bhg., Zaidah binti Panjang 2/24 bhg. dan Zainab binti Razali 2/168 bhg. | 260/119/2009/03 |
| | P.M. | | METER PERSEGI | | |
| Asam Kumbang | 4978 | 12307 | 502 | Abdul Malek bin Hashim 1/1 bhg. | 260/120/2009/01 |
| | G.M. | | HEKTAR | | |
| Jebong | 1372 | 276 | 0.7765 | Che Tom binti Chik 38/80 bhg., Che Tom binti Chik as Trustee 21/80 bhg., Hamidah binti Md Som 7/80 bhg., Lactipah binti Md Som @ Rokiah binti Hj Md Soom 7/80 bhg. dan Miah binti Mat Sam 7/80 bhg. | 260/121/2009/04 |

| Mukim | No. Geran | No. Lot | Luas | Nama-Nama Tuan Tanah | No. Fail PTLM |
|---------------|-----------|---------|---------------|---|-----------------|
| | G.M. | | HEKTAR | | |
| Batu Kurau | 6113 | 4823 | 1.9349 | Abdullah bin Abdul Majid 1/3 bhg., Mustafa bin Abdul Majid 1/3 bhg., dan Yakub bin Abdul Majid 1/3 bhg. | 260/122/2009/02 |
| Batu Kurau | 7989 | 11253 | 0.7225 | Mohd Hafiz bin Mat Dali 1/4 bhg., Mohd Rosly bin A. Hassan 1/4 bhg., Rubiah binti Hj Shafii 1/6 bhg., Teh Minah binti Mat Yatim 1/6 bhg. dan Zainudin bin Ahmad 1/6 bhg. | 260/123/2009/02 |
| Tupai | 1959 | 308 | 0.9384 | Abu Bakar bin Ahmad 1/2 bhg., Hendon binti Shafie 1/4 bhg. dan Saadiah binti Shafie 1/4 bhg. | 260/124/2009/11 |
| | H.S.M. | | METER PERSEGI | | |
| Pengkalan Aor | 228 | 2328 | 504 | Kamarudin bin Mohamed Sharif 1/1 bhg. | 260/125/2009/06 |
| | G.M. | | HEKTAR | | |
| Simpang | 71 | 1567 | 0.5844 | Basharuddin bin Harun 1/4 bhg., Hamidah binti Harun 1/4 bhg., Normah binti Mohamed Nasir 1/4 bhg. dan Zainuri bin Jaafar 1/4 bhg. | 260/127/2009/07 |
| | | | METER PERSEGI | | |
| Asam Kumbang | 11 | 3363 | 2698.4436 | The Taiping Malays Co-Operative Housing Society Limited 1/1 bhg. | 260/128/2009/01 |
| | H.S.M. | Plot | | | |
| Asam Kumbang | 48/70 | 478 | 885.2813 | Nik binti Che Mat 1/1 bhg. | 260/129/2009/01 |
| | G.M. | | HEKTAR | | |
| Bukit Gantang | 4355 | 6358 | 1.627 | Hj Ahmad bin Mydin as Trustee 1/2 bhg., Md Isa bin Said 1/4 bhg. dan Norizan binti Md Isa 6/24 bhg. | 260/130/2009/03 |

No. 322.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik asal diakui hilang oleh Lim Chau Hong, No. 22, Lebuh Mandarin, Mandarin Park, 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. Bil. Lot—272. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 995. Luas—129.9671 meter persegi. Tuan Punya—Chan Yet Ngo @ Chan Yet Ngo 1/2 bhg. dan Lim Chau Hong 1/2 bhg.

Bertarikh 12 Februari 2010
[PTK(I) 7/1/2010 SJ. 3]

NORHASNISHA BINTI HASHIM
*b.p. Pentadbir Tanah Kinta
Ipoh*

No. 323.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Cheah Ewe Huat (No. K.P.: 550502-07-5093), beralamat: No. 1459 Jalan Raja Uda, 12300 Butterworth, Pulau Pinang.

JADUAL

Mukim—Kuala Kurau. No. Lot—3321. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4453. Luas—0.4451 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Cheah Ewe Huat 1/1 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN
PARIT BUNTAR.

Bertarikh 3 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 4/2010]

ANITA BINTI AMRI
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 324.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Ahmad bin Don (No. K.P.: 541116-08-6275), beralamat: No. 6, Tebok Panchor, Simpang Empat, 34400 Semanggol, Perak Darul Ridzuan.

JADUAL

Mukim—Gunong Semanggol. No. Lot—5588. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1216. Luas—2.1699 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Ahmad bin Don 1/1 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN
PARIT BUNTAR.

Bertarikh 10 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 32/2009]

NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 325.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Latipah binti Saari (No. K.P.: 511202-08-6338), beralamat: Lot 187, Kampong Padang Tamat, 33100 Pengkalan Hulu, Perak.

JADUAL

Mukim—Bagan Serai, Bagan Serai, Parit Buntar dan Parit Buntar. No. Lot—10995, 5340, 1791 dan 270. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2639, 6747, 2548 dan 2650. Luas—0.2242 hektar, 2.8884 hektar dan 0.2402 hektar dan 1.2266 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Abdul Rashid bin Mahmud 7/96 bhg., Hajah Fatimah binti Mat Arof 6/96 bhg., Kamariah binti Shari 7/96 bhg., Latipah binti Saari 7/96 bhg., Ngashah binti Shaari 7/96 bhg., Ropeah binti Shaari 7/96 bhg., Saharin bin Shari 14/96 bhg., Saharudin bin Shari 14/96 bhg., Sara binti Shaari 7/96 bhg., Saweyah binti Mindat 6/96 bhg. dan Sufiah binti Mat 7/96 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN
PARIT BUNTAR.

Bertarikh 10 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 33/2009]

NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 326.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Abd Razak bin Khalid (No. K.P.: 710710-08-6651), beralamat: Tingkat Bawah, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Peti Surat 671, 30770 Ipoh, Perak Darul Ridzuan (Bank Islam).

JADUAL

Mukim—Beriah. No. Lot—1064. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2378. Luas—1.2089 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Faisal bin Hanafiah 1/1 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN
PARIT BUNTAR.

Bertarikh 10 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 34/2009]

NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 327.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Low Peng Thong (No. K.P.: 740127-08-6133), beralamat: No. 157, Kg. Baru, Bagan Samak, Bandar Baharu 34950, Kedah.

JADUAL

Mukim—Beriah. No. Lot—2560 dan 2561. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2810 dan G.M. 2811. Luas—0.8093 hektar dan 0.8144 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Hamidah binti Sulaiman 1/8 bhg., Salbiah binti Sulaiman 1/8 bhg., Samsiah binti Sulaiman 1/8 bhg., Siti Rafiah binti Sulaiman 1/8 bhg., Mohd Fairos bin Sulaiman 2/8 bhg. dan Mohd Radzi bin Sulaiman 2/8 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN
PARIT BUNTAR.Bertarikh 10 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 1/2010]NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian***No. 328.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Suratan hakmilik diakui hilang oleh Halimah binti Hj Abu Samah (No. K.P.: 550810-10-6090), beralamat: No. 11-A Jalan Cuepecs, 4G, Taman Koperasi Cuepecs, Batu 12, Jalan Cheras, 43000, Kajang.

JADUAL

Mukim—Selinsing. No. Lot—4885. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2287. Luas—2.121 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Ab Latif bin Sulaiman 40/576 bhg., Cheemah binti Noor 1/8 bhg., Halimah binti Hj. Abu Samah 1/8 bhg., Ismail bin Jenal 1/4 bhg., Kamaruddin bin Sulaiman 40/576 bhg., Mat Yusof bin Jenal 1/4 bhg., Udoh binti Lebai Bakar 24/576 bhg. dan Zakaria bin Sulaiman 40/576 bhg.

PEJABAT TANAH KERIAN

PARIT BUNTAR.

Bertarikh 10 Februari 2010
[P.T.K(U.P) 2/2010]

NOR AINI BINTI MOHD NORDIN
*b.p. Pentadbir Tanah
Kerian*

No. 329.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemiliknya.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Raya. No. P.T.—6893. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.M. 1623. Luas—4054 hektar. Nama Tuan Punya Tanah—Khaleli bin Adnan, Lot 255, Kg. Serdang Permai, 31300 Kg. Kepayang.

Bertarikh 17 Februari 2010
[KD. 13/3-381]

AHMAD BASHIR BIN ABDUL RAHIM
*Pentadbir Tanah Daerah
Kinta*

No. 330.

(Seksyen 175A)

NOTIS BERHUBUNGAN DENGAN PENYEDIAAN DOKUMEN
HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyediakan suatu dokumen hakmilik daftar sementara berhubungan dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Dokumen hakmilik Rosak/hancur.

2. Selepas tersiarnya notis ini dalam *Warta*, tiada Pendaftar atau Pentadbir Tanah boleh menerima untuk pendaftaran apa-apa suratcara urusaniaga yang menyentuh tanah itu atau memasukkan apa-apa kaveat persendirian di bawah seksyen 322 atau apa-apa kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 yang berkenaan dengannya sehingga catatan dalam dokumen hakmilik daftar sementara telah disahkan di bawah seksyen 175F.

3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam tempoh tiga bulan tersiarnya notis ini dalam *Warta* kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah dalam Borang 10F bahawa nama tuan punya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan boleh daftar dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftar sementara.

4. Mana-mana orang atau badan yang ada memiliki dokumen hakmilik keluaran hendaklah, dalam tempoh tiga bulan tersebut, menyerahkannya kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah.

JADUAL

| Daerah | Bandar/ Pekan/Mukim | Jenis dan | No. Lot/ P.T. | Luas | | |
|---------------|------------------------|------------------------|------------------|------|----|----|
| | | No. Hakmilik E.M.R. | | E. | R. | P. |
| Kuala Kangsar | Chegar Galah | 4167 | 4328 | 5 | 1 | 15 |
| Kuala Kangsar | Sayung | 7043 | 2688 | 2 | 3 | 36 |

Bertarikh 4 Februari 2010
[PTKK(D) 13/81/1 Jld. 2]

ROSIAH BINTI DARUS
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kuala Kangsar*

No. 331.

(Seksyen 175D)

NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA
ADALAH TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Pendaftar/Pejabat Tanah di Kuala Kangsar dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya atau ketinggalan apa-apa catatan di dalam mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

| Daerah | Mukim | Perihal dan No. Hakmilik | No. Lot/ No. P.T. | Luas HEKTAR | Tuan Punya Berdaftar | Butir-butir Kepentingan Jika ada PTKK (D) |
|---------------|----------------|--------------------------|-------------------|----------------|---|--|
| Kuala Kangsar | Sayung | 5351 | 4921 | 1.5176 | Teh Lauyah binti Puteh Dawan 1/1 bhg. | 13/81 SJ. 956A |
| Kuala Kangsar | Sayung | 6874 | 5440 | 0.2681 | Abdul Rahman bin Asha'ari 1/2 bhg. dan Bariah binti Alang Akam 1/2 bhg. | 13/81 SJ. 329 |
| Kuala Kangsar | Sayung | 6880 | 5874 | 0.9763 | Mohammad bin Akir 1/1 bhg. | 13/81 SJ. 970 |
| Kuala Kangsar | Kota Lama Kiri | 5352 | 1674 | 3.1111 | Karam Singh s/o Babu Ram 6/100 bhg., Karam Singh s/o Bambu Ram 1/20 bhg., Amolak Singh s/o Dalip Singh 9/200 bhg., Akbal Singh s/o Dalip Singh 9/200 bhg., Karam Singh s/o Babu Ram Alias Karam Singh s/o Bhambu Ram Alias Karam Singh s/o Bambu Ram 1/22 bhg., Suaran Kaur d/o Sarda Singh 85/330 bhg., Amolak Singh s/o Dalip Singh 1/55 bhg., Amolak Singh s/o Dalip Singh 79/330 bhg., Pretam Singh a/l Hajara Singh 79/660 bhg. dan Karapal Singh a/l Hajara Singh 79/660 bhg. | 13/81 SJ. 1203 |
| Kuala Kangsar | Kota Lama Kiri | 6597 | 4548 | 1.7478 | Azizah binti Jaafar 1/3 bhg., Maimunah binti Jaafar 1/3 bhg. dan Nafisah binti Jaafar 1/3 bhg. | 13/81 SJ. 1202 |

Bertarikh 4 Februari 2010
[PTKK(D) 13/81/1 Jld. 2]

ROSIAH BINTI DARUS
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kuala Kangsar*

No. 332.

(Seksyen 175D)

NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA
ADALAH TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Tanah Hilir Perak, Teluk Intan dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya atau ketinggalan apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah Hilir Perak—Durian Sebatang. Perihal dan No. Hakmilik—G.M. 4449 Lama: EMR 4579. No. Lot—4286. Luas—4.32 hektar. Tuan Punya Berdaftar—Che Yah binti Ibrahim 1/3 bhg., Zainab binti Ibrahim 1/3 bhg. dan Mariam binti Ibrahim 1/3 bhg.

Bertarikh 5 Februari 2010
[PTHP 10/6/609]

MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI
*b.p. Pentadbir Tanah
Hilir Perak*

No. 333.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Nageshwari a/p Samberam, No. 58, Lorong Menteri 1, Taman Menteri, 34100 Selama, Perak Darul Ridzuan dan/atau 1144, IP, Jalan Kebun Teh, 80250 Johor Bahru, Johor Darul Takzim penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Selama, Perak pada hari Selasa, 16 Mac 2010 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Selama. No. Lot—8684. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4215. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 416/2001.

Bertarikh 15 Januari 2010
[P.T. Selama F/1/2010]

MOHAMAD SUHAIMI BIN SAMSUDIN
*Penolong Pentadbir Tanah
Larut, Matang dan Selama*

No. 334.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Saygarian a/l Vadamalai (No. K.P.: 4996150) yang beralamat di No. 43, Perumahan Awam, Taman Sri Krian, 34300 Bagan Serai, Perak dan/atau No. 259, Jalan Besar, 34300 Bagan Serai, Perak Darul Ridzuan dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

